

1,053 kakitangan barisan hadapan kastam ke AKPS

Pemindahan pegawai, anggota dilakukan tempoh beberapa bulan lagi

Oleh Irah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) memindahkan pegawai dan anggota barisan hadapan kepada Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS).

Pemindahan itu dijangka dilakukan dalam tempoh beberapa bulan lagi.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zaimudin, berkata 1,053 pegawai akan terbabit dalam perpindahan sebagai pegawai agensi baharu di bawah kawalan Kementerian Dalam Negeri (KDN) itu.

Sebelum awal tahun lalu, katanya, JKDM sudah memindahkan lapan pegawai untuk diserapkan ke dalam AKPS.

"Seramai 1,053 pegawai JKDM di barisan hadapan akan dipindahkan ke AKPS secara pindah bintiran sebagai kader."

"Daripada jumlah itu, lapan orang sudah dipindahkan ke AKPS, setakat 7 Mac lalu. Mereka kini berkhidmat di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin Keselamatan (IQKS) Rantau Panjang, Kelantan," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

BH difahamkan, petugas barisan hadapan JKDM adalah pegawai yang bertugas menaksir cukai serta mengklasifikasikan barangan dengan tepat untuk memastikan proses pelepasan kastam ke dalam negara.

Jawatan kader adalah satu jawatan yang diwujudkan di sebilah kementerian, jabatan atau agensi berdasarkan keperluan, tetapi pengistiharan adalah dilakukan oleh ketua perkhidmatan jawatan berkenaan yang bukan dari kementerian, jabatan atau agensi.

BH semalam melaporkan, sekurang-kurangnya 5,000 pegawai dan anggota beberapa agensi penguatkuasaan negara akan bertukar portfolio untuk diserapkan ke dalam AKPS, pada Jun ini.

Difahamkan daripada jumlah

itu, 2,000 kakitangan Jabatan Imigresen (Imigresen) akan diserapkan menjaga sempadan marakala JKDM juga akan menyumbang ribuan anggota untuk diserap ke dalam AKPS.


Rabat agensi lain

Pegawai yang akan dipindahkan itu juga akan membabitkan beberapa agensi penguatkuasaan lain.

BH turut difahamkan, Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin Keselamatan (IQKS) Rantau Panjang menjadi projek perintis bagi penyerapan penuh penguat kuasa ke dalam AKPS.

Selain Imigresen dan JKDM, agensi yang akan diserapkan adalah daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pasukan Gerakan Am dan Unit Pencegahan Penye-

5,000 pegawai agensi penguat kuasa diserap ke AKPS



Keratan akhbar BH semalam.

ludupan (UPP), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), penguat kuasa Kementerian Kesihatan (KKM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQPS) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

“Daripada 1,053 pegawai JKDM, lapan orang sudah dipindahkan ke AKPS, setakat 7 Mac lalu. Mereka kini berkhidmat di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin Keselamatan Rantau Panjang, Kelantan”

Anis Rizana Mohd Zaimudin,
Ketua Pengarah Kastam



Ibadat & Fadilat

Seyakatan Allah Rasulullah jember. Alah berbekat "Wahai Rasulullah, apa pendapatmu kalau aku dapat menepati Lailatul Qadar, berpuasa dan bertaubat berdekut" Diagadit berbekat: "Kau akan di Allah, mengampuninya Allah Maha Pengampun, aku mengampuni, maka erpindahlah aku."

(RIT Times)

	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KLANG	6:19	1:31	4:45	7:32	8:41
Ayer Setar	6:19	1:31	4:44	7:32	8:41
P. Pinang	6:19	1:31	4:44	7:32	8:41
Ipo	6:17	1:29	4:40	7:30	8:39
Kuala Lumpur	6:14	1:26	4:37	7:27	8:36
Shah Alam	6:14	1:26	4:37	7:27	8:36
Johor Bahru	6:05	1:17	4:26	7:19	8:28
Kuantan	6:08	1:20	4:30	7:22	8:31
Seremban	6:12	1:25	4:34	7:26	8:35
Bandar Malaka	6:11	1:24	4:33	7:25	8:34
Kota Bharu	6:12	1:24	4:37	7:24	8:30
K. Terengganu	6:08	1:20	4:32	7:21	8:30
Kota Kinabalu	5:36	12:20	3:41	6:29	7:38
Kuching	5:40	12:53	4:01	6:54	8:03